

21/11/1997

Papita anjur perhimpunan sokong PM

PERSATUAN Penyanyi, Pemuzik & Penulis Lagu Tanah Air (Papita) akan menganjurkan perhimpunan di kalangan artis dan penggerak seni budaya sebagai tanda sokongan kepada kerajaan, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perhimpunan itu diadakan di Dataran Merdeka pada Sabtu, 29 November jam 3 petang. Sehubungan itu, Papita berusaha mendapatkan kebenaran pihak berkuasa termasuk polis.

Disebabkan ia julung kali diadakan oleh warga seni, Papita turut mengundang persatuan lain bagi menjayakan perhimpunan itu.

Papita akan berbincang dengan Persatuan Pertunjukan Hiburan Secara Langsung Malaysia (Malep), Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), Persatuan Seniman, Kesatuan Pemuzik Malaysia (MUM), Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM), Persatuan Pekerja-Pekerja Filem Malaysia (PPFM) dan Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM).

Turut diundang ialah Majlis Teater Malaysia (Tema), Gabungan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Persatuan Penyiar (Penyiar) serta persatuan seni dari seluruh negara untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Khas Perhimpunan.

Presiden Papita, A Rahman Hassan berkata semua penggerak, pendorong dan penyokong seni harus menjayakan perhimpunan itu dan menjadikannya sebagai yang terbesar.

"Kita perlu memberitahu dunia bahawa pemimpin negara kita disokong oleh semua pihak daripada pelbagai bidang kerjaya dan lapisan," katanya.

Persatuan yang ingin menyertai dan menjayakan perhimpunan ini boleh menghubungi pejabat Papita di nombor telefon 03-4533944 atau faks 03-4533936.

(END)